

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	4 October 2015

BH-4/10/2015
**Khalid sangkal
FBI siasat
Najib, 1MDB**

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyangkal dakwaan bahawa Biro Siasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat menjalankan siasatan terhadap Malaysia Development Berhad (1MDB).

Ketua PoUs Negara, Tan Sri Khahd Abu Bakar, berkata pihaknya tidak pernah menerima sebarang makluman daripada biro berkenaan untuk menyiasat 1MDB dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"PDRM tidak pernah dimaklumkan oleh FBI bahawa mereka sudah memulakan siasatan ke atas 1MDB dan Perdana Menteri.

"Malah, agensi terbabit itu juga tidak memohon untuk mendapatkan sebarang bantuan daripada PDRM berhubung perkara sama," katanya menerusi satu kenyataan media, malam tadi.

Khahd berkata, mana-mana pihak yang ingin mendapatkan pengesahan berkaitan perkara itu supaya berhubung terus dengan pihak FBI di Washington. ,